

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 13 MEI 2015 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                | <b>Akhbar</b>   |
|------------|-------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.         | BiotechCorp dan Javaplant teroka bidang pengekstrakan herba | BERNAMA         |
| 2.         | NICE 2015                                                   | Berita Harian   |
| 3.         | NICE 2015                                                   | Utusan Malaysia |
| 4.         | Komponen BN Sabah nyata sokong kepada Najib                 | Utusan Malaysia |
| 5.         | Gempa bumi sederhana melanda Nepal                          | BERNAMA         |



## BiotechCorp Dan Javaplant Teroka Bidang Pengekstrakan Herba

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- [Malaysian Biotechnology Corporation \(BiotechCorp\)](#) dan Javaplant sedang mengusahakan satu kerjasama yang mempunyai potensi dalam bidang pengekstrakan bahan-bahan semula jadi herba.

BiotechCorp dalam satu kenyataan hari ini, berkata bahan-bahan itu termasuk Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Mas Cotek dan herba Malaysia yang lain.

"Kerjasama ini melibatkan proses mengenal pasti kemudahan yang diperlukan untuk pengekstrakan Tongkat Ali bagi disesuaikan dengan teknologi proprietari Javaplant dan fasilitasi oleh BiotechCorp dalam bekalan bahan-bahan mentah untuk projek itu dan memastikan keselamatan bahan-bahan tersebut.

"Javaplant akan meneroka akses ke pasaran antarabangsa terutamanya bagi ekstrak botani Malaysia, sekali gus meningkatkan potensi dan pembangunan mereka sebagai kandungan bahan-bahan bernilai tinggi dalam produk herba semulajadi tempatan," katanya.

[Menteri Sains, Teknologi Inovasi \(MOSTI\), Datuk Dr Ewon Ebin](#), berkata kerjasama ini juga akan memberikan impak ke atas industri pembangunan produk herba tempatan.

"Saya yakin kerjasama antara Javaplant dan BiotechCorp akan mewujudkan satu paradigma baru dalam perniagaan herba Malaysia, sekali gus memberikan kesan di pasaran antarabangsa," katanya.

[Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal](#) berkata, kerjasama itu akan membolehkan lebih banyak syarikat bioteknologi Malaysia mendapatkan akses pasaran bagi produk, perkhidmatan dan teknologi yang berkaitan dengan bahan-bahan semulajadi dan pada masa yang sama, menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia.

"Malaysia dan Indonesia memiliki kekayaan biodiversiti herba dan semula jadi yang boleh diterjemahkan ke dalam produk dengan nilai tambah yang tinggi untuk dipasarkan di seluruh dunia.

"Kerjasama yang kukuh di antara kedua-dua negara akan membuahkan peluang bagi mengubah herba-herba tempatan seperti Tongkat Ali dan Kacip Fatimah ke dalam bentuk bahan kandungan bernilai tinggi melalui penggunaan bioteknologi serta membuka akses ke pasaran antarabangsa," katanya.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 25  
TARIKH : 13 MEI 2015 (RABU)



**nice**  
15  
NATIONAL INNOVATION  
CONFERENCE AND EXHIBITION

**mosti**  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**melewati  
inovasi**

Sertai  
Kami!

21 ▶ 23  
MEI 2015

PUSAT KONVENSYEN  
KUALA LUMPUR  
(KLCC)

► PERSIDANGAN  
► PAMERAN  
► PADANAN PERNIAGAAN  
► KLINIK DANA

YB Datuk Dr. Ewon Ebin  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

 Concurrent Events  
**ITEX 15**  
MALAYSIA  
20th International Intellectual & Innovation Exhibition

 NATIONAL  
INNOVATION  
AWARD

 Sains & Inovasi  
Pemacu Transformasi  
Masa Depan 2020 - 2030

#NICEMOSTI2015 [www.mosti.gov.my/nice2015](http://www.mosti.gov.my/nice2015)

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (MUKA HADAPAN) : MUKA SURAT 1**  
**TARIKH : 12 MEI 2015 (SELASA)**



**Sertai Kami!**

**nice**  
15  
NATIONAL INNOVATION  
CONFERENCE AND EXHIBITION

**melewati  
inovasi**

**21 ▶ 23  
MEI 2015**

PUSAT KONVENSYEN  
KUALA LUMPUR (KLCC)

▶ PERSIDANGAN  
▶ PAMERAN  
▶ PADANAN PERNIAGAAN  
▶ KLINIK DANA

YB Datuk Dr. Ewon Ebin  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

**ITEX 15**  
MALAYSIA  
20<sup>th</sup> International Innovation & Invention Exhibition

**NATIONAL  
INNOVATION  
AWARD**

**Sains & Inovasi**  
Peneraju Transformasi  
2014-2018

**#NICEMOSTI2015** [www.mosti.gov.my/nice2015](http://www.mosti.gov.my/nice2015)

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7**  
**TARIKH : 13 MEI 2015 (RABU)**



MUSA AMAN (tiga dari kiri) menuai padi sebagai simbolik merasmikan Pesta Kaamatan UPKO di Dewan Masyarakat Kiulu, Tuaran, Sabah, semalam. Turut kelihatan Pandikar Amin Mulia (kiri) dan Bernard Dompok (dua dari kiri).

## Komponen BN Sabah nyata sokongan kepada Najib

**TUARAN 12 Mei** - Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri ini senada dalam menyatakan sokongan sepenuhnya serta taat setia kepada kepimpinan Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengemudi pentadbiran negara.

Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Musa Aman berkata, semua parti komponen akan bersama-sama berdiri di belakang Najib dalam masa susah mahupun mencabar.

Musa yang juga Ketua Menteri menyifatkan, Najib telah banyak membantu negeri ini dari segi kemajuan pembangunan dan kebaji-

kan rakyat.

"Kita di Sabah tahu mengenang budi. Beliau (Najib) membantu pembangunan rakyat di negeri ini.

"Malah, orang-orang Sabah juga mempunyai semangat taat setia kepada kawan," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Pesta Kaamatan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) 2015 di Dewan Masyarakat Kiulu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pemangku Presiden UPKO, Datuk Madius Tangau; Presiden Kehormat UPKO, Tan Sri Bernard Dompok; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar

Amin Mulia dan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Teo Chee Kang.

Dalam pada itu, Madius menjelaskan UPKO tidak akan sesekali membelakangi Najib sebaliknya, akan terus bersama-sama Perdana Menteri dalam memacu pembangunan dan pentadbiran negara serta negeri ini.

Beliau membidas tindakan segelintir pihak yang cuba 'membunuh' prinsip demokrasi dengan mengarahkan Ahli Parlimen Pekan itu untuk meletakkan jawatan.

"Kita menentang mereka yang cuba membunuh prinsip demokrasi. Beliau (Najib) dipilih rakyat de-

ngan cara demokrasi. Jika beliau ingin turun, biarlah melalui cara demokrasi.

"UPKO bukan sahaja sekarang tetapi dari dahulu lagi menyatakan sokongan kepada Najib. Ini merupakan budaya dan prinsip BN iaitu semangat setia kawan," katanya.

Bagi Chee Kang pula, LDP berdiri teguh di belakang kepimpinan Najib demi membantu merealisasikan agenda transformasi negara.

Kata beliau, komitmen Perdana Menteri dalam membawa pembangunan dan kemajuan di negeri ini tidak boleh dipertikaikan sebaliknya wajar dibalas dengan sokongan penuh kepada beliau.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 13 MEI 2015 (RABU)



## Gempa Bumi Sederhana Melanda Nepal

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter melanda Nepal pada 3.36 petang Selasa.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa bumi itu berpusat di 319 km barat laut Dinajpur, Bangladesh dan 2,753 km barat laut Padang Besar, Perlis.

Tiada ancaman tsunami dikeluarkan susulan gempa bumi itu.

-- BERNAMA